

08/02/2004

## Pengorbanan kaum kunci kejayaan negara

KUALA LUMPUR: Kesediaan semua kaum mengorbankan kepentingan diri dan sanggup berkongsi kekayaan menjadi kunci kejayaan negara ini menempuh saat sukar ketika kegawatan ekonomi, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, suasana dalam negara yang aman dan tenteram ketika kegawatan ekonomi pada 1997 tanpa tuduh menuduh antara kaum dan saling bekerjasama membantu pemulihan ekonomi negara.

"Negara kita boleh aman sebab kekayaan diagih sama rata dan adil antara kaum, walaupun sasaran yang kita tetapkan menerusi Dasar Ekonomi Baru tidak dicapai tetapi kita berjaya membuat pembetulan sehingga mengurangkan tanggapan hanya kaum Cina yang kaya di Malaysia.

"Di Malaysia, orang Cina prihatin dengan keadaan di negara ini, mereka tidak ambil semua. Sanggup berkongsi dengan kaum lain termasuk Bumiputera, India dan pelbagai kaum lain. Kerajaan juga tidak diskriminasi kaum Cina," katanya pada Majlis Jasamu Dikenang anjuran lima parti komponen Barisan Nasional yang mewakili kaum Cina iaitu MCA, Gerakan, SAPP, SUPP dan LDP serta tiga pertubuhan Cina yang terbesar di Malaysia iaitu Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia, Gabungan Dewan perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia dan The "7 Federations Of Chinese Associations of Malaysia".

Turut hadir Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting; Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik; Presiden SUPP, Tan Sri George Chan; Presiden SAPP, Datuk Yong Teck Lee dan Presiden LDP, Datuk Chong Kah Kiat.

Kira-kira 3,000 tetamu hadir di majlis itu yang bertujuan untuk menyampaikan penghargaan kaum Cina kepada Dr Mahathir yang menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun dan isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir berkata, ketika beliau dipilih oleh Tun Hussein Onn sebagai Timbalan Perdana Menteri kira-kira 27 tahun lalu, reaksi kaum Cina terhadap pelantikannya itu tidak begitu meriah seperti yang diterimanya sekarang.

Beliau berkata, ini kerana ramai orang Cina bimbang pemilihan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri dan bakal Perdana Menteri sebab beliau dikenali sebagai seorang yang ekstremis nasionalis Melayu.

"Kini sangkaan itu sudah tiada lagi. Namun saya menempuh perjuangan yang jauh untuk membuktikan kepada masyarakat Cina yang saya tidak seperti yang disangkakan mereka. Memang benar, saya bercakap kepada orang Melayu, sebab saya mahu mereka berjaya seperti kaum lain.

"Kalau kekayaan dalam negara tidak dibahagi secara adil, tentulah kerajaan tidak mampu jadi stabil, sebab itu saya berjuang untuk meningkatkan kedudukan orang Melayu. Kalau saya bunyi seperti ekstremis Melayu bukan sebab saya ekstremis, tetapi mahu melihat imbalan antara kaum di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, apabila kerajaan memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru dengan tujuan menaikkan peranan orang Melayu dalam ekonomi, ramai orang Cina menolong dan menyokong untuk menjayakan dasar berkenaan.